

CLODERM OINTMENT

Clobetasol Propionate (0.05% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Cloderm Ointment
2. Bagaimana Cloderm Ointment berfungsi
3. Sebelum menggunakan Cloderm Ointment
4. Cara menggunakan Cloderm Ointment
5. Semasa menggunakan Cloderm Ointment
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Cloderm Ointment
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang Cloderm Ointment. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil Cloderm Ointment berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.

Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan Cloderm Ointment

Cloderm Ointment digunakan untuk rawatan jangka pendek bagi penyakit radang dan gatal kulit yang sederhana hingga teruk yang akan bertindak balas terhadap rawatan kortikosteroid topikal.

Bagaimana Cloderm Ointment berfungsi

Cloderm Ointment mengandungi 'Clobetasol Propionate'. 'Clobetasol Propionate' tergolong dalam kumpulan steroid yang mempunyai tindakan anti-radang, anti-gatal dan penyempitan saluran darah.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

Sebelum menggunakan Cloderm Ointment

-Bila tidak boleh mengguna

Jangan mengguna Cloderm Ointment sekiranya:

- Anda alah (hipersensitif) kepada mana-mana komponen bahan ubat ini.
- Anda mempunyai jangkitan virus kulit (Herpes simpleks, cacar air), jerawat, kulit kemerahan
- Anda mempunyai keradangan dan kegatalan kulit di sekitar mulut.
- Anda mempunyai jangkitan kulit yang disebabkan oleh kulat atau bakteria.
- Anda mempunyai kegatalan di kemaluan

Tidak disyorkan untuk bayi di bawah umur 1 tahun.

Jika anda tidak pasti, bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan Cloderm Ointment.

-Sebelum mula mengguna

Kehamilan dan penyusuan badan:

- Tiada rekod menunjukkan ubat ini selamat digunakan semasa kehamilan dan laktasi (penyusuan).
- Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum penggunaan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusu badan.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Cloderm Ointment

-Berapa banyak harus digunakan

Sapu sedikit Cloderm Ointment ke kawasan yang terjejas sekali atau

dua kali sehari seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Bila perlu digunakan

Sapukan pada kawasan yang terjejas apabila ia kering dan bersih.

-Berapa lama perlu digunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi untuk tempoh rawatan.

-Jika terlupa menggunakan

Sapukan krim ini secepat mungkin dan kemudian teruskan rawatan anda seperti biasa.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dalam jumlah yang tertentu, steroid boleh melepasi kulit anda dan menghasilkan kesan sistemik seperti peningkatan paras glukosa darah, kehadiran glukosa dalam air kencing dan Sindrom Cushing (Sila rujuk pada bahagian 'Kesan-kesan sampingan').

Jika anda rasa anda terlebih dos, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda. Bawa sebarang baki ubat bersama anda.

Semasa menggunakan Cloderm Ointment

-Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda bersedia untuk memulakan penggunaan ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang menggunakan Cloderm Ointment.

Jika penyakit berlarutan sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi.

Penyediaan ini adalah untuk rawatan keadaan semasa anda sahaja.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan menggunakan lebih daripada dos yang disarankan melainkan dibenarkan oleh doktor anda.

CLODERM OINTMENT

Clobetasol Propionate (0.05% w/w)

Tidak sesuai untuk penggunaan mata.

Tidak membenarkan penggunaan oleh orang lain dan melupuskan bahan yang tidak digunakan apabila rawatan anda selesai.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Hentikan penggunaan jika berlaku kerengsaan atau alahan. Langkah berwaspada yang sesuai perlu diambil semasa rawatan yang berpanjangan, apabila merawat kawasan permukaan badan secara menyeluruh dan apabila merawat kanak-kanak (disebabkan jumlah luas permukaan per berat badan yang besar kerana penyerapan sistemik akan menyebabkan pertumbuhan terbantut).

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Cloderm Ointment boleh menyebabkan beberapa kesan sampingan, sesetengah kesan sampingan walaupun bukan semua orang akan mendapatkannya.

Tindak balas yang dilaporkan ialah rasa pedih, rasa gatal-gatal, kerengsaan, rasa kering, jangkitan pada folikel rambut, rambut tumbuh secara tidak terkawal pada badan, luka akibat jerawat, warna kulit semakin pudar, kulit menjadi rapuh, bahagian atas kulit menjadi semakin nipis, kesan regangan kulit dan ruam akibat peluh.

Penggunaan kortikosteroid dalam dos yang tinggi boleh menyebabkan gejala-gejala hiperaktif kelenjar adrenal, dengan muka bulat (*moon face*), hirsutisme (pertumbuhan berlebihan rambut di kawasan-kawasan tertentu pada muka dan badan wanita), pemendapan lemak di belakang leher, kulit menjadi kemerah-merahan, dan kadang-kadang boleh menyebabkan sindrom Cushing.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam

risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Cloderm Ointment

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Pastikan bekas ditutup rapat. Simpan di tempat terlindung daripada cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Cloderm Ointment adalah salap berwarna putih.

Cloderm Ointment boleh didapati dalam tiub aluminium 5g, 15g dan 100g.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan-bahan aktif:
Setiap tiub mengandungi Clobetasol Propionate 0.0568% w/w (bersamaan dengan Clobetasol 0.05% w/w).

-Bahan-bahan tidak aktif:
White Soft Paraffin, Liquid Paraffin.

-Nombor MAL:

MAL19930241AZ

Pengilang

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk:

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

-13/06/2017

Nombor Siri:

BPFK(R4/1)060617/00122